



மலேசியா வேதாத்திரி SKY மனவளக்கலை மன்றம்

C-8-3, Jalan Dataran Sentral 3, Dataran Sentral, Tingkat 3,
70200 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

TEL : 012-342 3401, 017- 666 1724, 019-364 4125

Email: vsmanavalakalai@gmail.com



Tarikh: 28/05/2025

Ruj: PPVSKYMM/IDY2025/01

Kepada:

Semua Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

PER: JEMPUTAN PENYERTAAN PELAJAR KE PROGRAM “11th INTERNATIONAL DAY OF YOGA 2025” (ONLINE)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa program “11th International Day of Yoga 2025”, iaitu satu sambutan meriah yang mengkagumi budaya dan warisan India, akan diadakan seperti berikut:

Tarikh: 20 Jun 2025 (Jumaat)

Masa: 7.30 pagi - 8.30 pagi

Tempat:

Secara Fizikal:

Vethathiri Centre of Consciousness, Kundur, Linggi

(melibatkan sekolah-sekolah terpilih berdekatan dengan kawasan Linggi)

Secara Dalam Talian (Online):

Semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh Semenanjung Malaysia. Pihak kami akan menghantar sebuah video latihan yoga berdurasi 20 minit melalui WhatsApp pada atau sebelum 10 Jun 2025. Semua peserta diminta untuk membuat latihan menggunakan video tersebut sebagai persediaan awal.

Sesi raptai (rehearsal) akan diadakan secara dalam talian (online) seperti berikut:

- **Tarikh:** 13 Jun 2025 (Jumaat)
- **Masa:** 7.30 pagi-8.30pagi
- **Tempat:** Di sekolah masing-masing
- **Medium:** Pautan (link) sesi akan diumumkan kemudian melalui WhatsApp

Program ini dianjurkan oleh Pertubuhan Penganut Vethathiri SKY Manavalakalai Malaysia dengan kerjasama Persatuan Guru Besar Sekolah Tamil Malaysia, India Yoga Association dan telah mendapat **sokongan serta kelulusan rasmi daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum & Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Ministry of AYUSH, India.**

Objektif utama program ini adalah untuk memperkukuh kesejahteraan pelajar melalui pengalaman gaya hidup sihat berasaskan yoga, serta penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Dengan itu, pihak sekolah dijemput menyertai aktiviti utama berikut:

Deklamasi Yoga

- Mencipta rekod dalam Malaysia Amazing Book of Records
- Tiada yuran penyertaan
- Setiap peserta akan menerima Sijil Penyertaan
- Setiap sekolah akan mendapat Sijil Penghargaan
- Penyertaan ini melayakkan pelajar untuk mendapat markah PAJSK (kategori Sukan, Kokurikulum & Kesenian)
- 5 sekolah terbaik akan diberi cenderamata

Penyertaan daripada pelajar sekolah tuan/puan amat dialu-alukan memandangkan program ini merupakan program utama bertaraf antarabangsa yang bakal melakar sejarah, serta memberi peluang kepada pelajar untuk menyertai aktiviti berprestiji dan bermakna.

Untuk tindakan pihak tuan/puan:

Bersama surat ini dilampirkan:

- Surat kelulusan daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum & Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Persatuan Guru Besar Malaysia
- Surat kelulusan daripada JPN akan dikemukakan kemudian
- Borang Pengesahan Penyertaan

Mohon jasa baik pihak sekolah untuk melengkapkan Borang Pengesahan Penyertaan dan mengembalikannya melalui e-mel ke: vsmanavalakalai@gmail.com dengan segera. Setiap sekolah diminta untuk melantik seorang wakil guru bagi menyertai kumpulan WhatsApp rasmi program ini. Pautan (link) kumpulan WhatsApp akan dihantar melalui WhatsApp kepada Guru Besar masing-masing. Guru Besar dimohon untuk menyalurkan pautan tersebut kepada wakil guru yang telah dilantik. Wakil sekolah yang menyertai kumpulan WhatsApp diminta untuk memperkenalkan diri dengan menyatakan nama dan nama sekolah masing-masing dalam kumpulan tersebut.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada En. Arumugam – 012-3423401 atau Dr. J. Amarjit Kaur – 017-3361290.

Segala sokongan dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam menjayakan program ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan amanah,



(Dr. J. Amarjit Kaur)

Extension Director,
Pertubuhan Penganut Vethathiri SKY Manavalakalai Malaysia.

PERTUBUHAN PENGANUT VETHATHIRI
SKY MANAVALAKALAI MALAYSIA
(PPM-001-05-13112018)
C-8-3, Tingkat 3, Jalan Dataran Sentral 3,
Dataran Sentral, 70200 Negeri Sembilan.



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.600-12/1/4 Jld.65 (89)

Tarikh : 14 Mei 2025

Extension Director

Pertubuhan Penganut Vethathiri SKY Manavalakalai Malaysia

C-8-3, Jalan Dataran Sentral 3

Tingkat 3, Dataran Sentral

70200 Seremban

Negeri Sembilan

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID
DALAM PROGRAM HARI YOGA TAHUN 2025 ANJURAN PERTUBUHAN
PENGANUT VETHATHIRI SKY MANAVALAKALAI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas. Surat tuan serta pembentangan pihak agensi kepada pihak kami secara dalam talian (*Google Meet*) dan penghantaran pemurnian kertas kerja pada 9 Mei 2025 adalah berkaitan.

2 Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah dalam membantu membangunkan aktiviti sukan, kokurikulum dan seni di negara ini.

3 Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Program Hari Yoga Tahun 2025 yang bakal berlangsung pada 20 Jun 2025 bertempat di Vethathiri Centre of Consciousness, Linggi, Negeri Sembilan**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian pihak tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010, Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah KPM. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

...2/-

- 3.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;
- 3.7 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.8 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.11 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;

- 3.12 pihak penganjur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan;
- 3.13 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.14 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**;
- 3.15 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendukung elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, sifat jati diri terpuji, beretika dan lain-lain*);
- 3.16 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program**;
- 3.17 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.18 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Program Hari Yoga Tahun 2025 yang bakal berlangsung pada 20 Jun 2025 bertempat di Vethathiri Centre of Consciousness, Linggi, Negeri Sembilan**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak BSKK, KPM.

5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami **Encik Muhammad Daneal Syawal bin Abdullah** di talian **03-88721625/ 01110043228** atau e-mel **daneal@moe.gov.my**.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan berkaitan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZURAINI BINTI ABU HASSAN)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.: 1. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Seluruh Malaysia

LAMPIRAN A

LAPORAN (NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan:
- 3.0 Mod Pelaksanaan:
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:
- 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: *(***Jika berkaitan)*
- 7.0 Tetamu Kehormat (VIP): *(***Jika berkaitan)*
- 8.0 Pemenang: *(***Jika berkaitan)*

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan cabaran:
- 10.0 Elemen *Human Governance* yang dilaksanakan:
- 11.0 Cadangan penambahbaikan:
- 12.0 Gambar:

Disediakan Oleh:

Tarikh :

SENARAI PERINCIAN PESERTA PROGRAM

[illegible]

*mohon penambahan ruang sekiranya perlu

LAMPIRAN B

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami:
Tarikh:

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1,2 & 7, Blok 13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p. : Unit Kesenian dan Kebudayaan)

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTAI _____ ANJURAN _____

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak _____ **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.17 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam _____ pada _____.

3. Pihak _____ akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada BSCK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak Tuan boleh menghubungi _____ di talian _____ atau emel _____

Perhatian dan kerjasama Tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
(Nama)

Jawatan



PERSATUAN GURU BESAR SEKOLAH TAMIL MALAYSIA

மலேசியத் தமிழ்ப்பள்ளி தலைமையாசிரியர் கழகம்

d/a: SJKT BESTARI JAYA, 45600 BESTARI JAYA, SELANGOR

No. HP : 019-260 6074 | e-mail : pgbsjktm@gmail.com

Pengerusi : En.SS.Pandian (019-2606074) | Setiausaha : En.S.Thamilarasu (019-212 7671)



Rujukan Kami : SJKTBJ.100-7/1/6 (54)
Tarikh : 09.05.2025

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum C Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, 6 dan 7, Blok E13, Kompleks E
62604 Putrajaya.

Tuan,

**PERSETUJUAN DAN SOKONGAN UNTUK MENGADAKAN PROGRAM HARI YOGA SEDUNIA KE-11
PERINGKAT KEBANGSAAN MELIBATKAN MURID-MURID SJKT SELURUH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Persatuan Guru Besar Sekolah Tamil Malaysia (PGBTM) menyambut baik dan memberikan persetujuan serta sokongan penuh terhadap inisiatif pihak Sky Yoga Malaysia untuk mengadakan kelas Yoga dan Manavalakalai kepada murid-murid di semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh Malaysia.
3. Kami yakin bahawa pelaksanaan kelas Yoga dan Manavalakalai ini akan memberi manfaat besar dari segi keseimbangan fizikal, mental dan emosi murid-murid SJKT, selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membangunkan potensi murid secara menyeluruh.
4. Dalam hal yang sama, pihak kami juga bersetuju dan menyokong sepenuhnya permohonan Sky Yoga Malaysia untuk membolehkan murid-murid SJKT mengambil bahagian dalam sambutan Hari Yoga Antarabangsa ke-11 yang akan diadakan pada 20 Jun 2025 (Hari Jumaat) pada pukul 7.30 pagi hingga 8.30 pagi secara atas talian dan fizikal. Kami juga menyokong permohonan kelulusan markah PAJSK bagi penyertaan murid-murid dalam program ini, memandangkan ia merupakan satu aktiviti berstruktur yang menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan kecergasan mereka.
5. Sehubungan itu, pihak kami bersedia memberikan kerjasama penuh dalam memudahkan pelaksanaan program ini di peringkat sekolah dan akan menggalakkan penyertaan aktif daripada semua SJKT di seluruh Malaysia.
6. Pihak PGBTM sekali lagi merakamkan penghargaan atas inisiatif murni ini dan berharap program ini dapat dijalankan secara berterusan dan memberi impak positif kepada seluruh warga SJKT.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


SS.Pandian
Pengerusi

SSP/09052025

வாழ்க தமிழ்! வெல்க தமிழ் ஆசிரியம்!
'நமது கழகமே நமது மதிப்பு, நமது மதிப்பே நமது கழகம்'